

**PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT DI MALAYSIA:
SEJAUH MANA KEBERKESANANNYA?
(IMPLEMENTATION OF THE COMMUNITY SERVICE ORDER IN MALAYSIA:
HOW EFFECTIVE IS IT?)**

¹Abdul Razak Abd Manaf, ²Siti Zubaidah Othman, ³Zarina Saad,
⁴Annuar Aswan Mohd Noor, ⁵Faridah Awang

^{1,3}Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
^{2,4}Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia, Kedah, MALAYSIA

⁵Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, MALAYSIA

Corresponding Author's Email: a.razak@uum.edu.my

Article History: Received: 24 September 2024, Revised: 28 November 2024, Accepted: 15 December 2024

ABSTRAK

Objektif utama artikel ini adalah untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) terhadap pesalah PKM. Bagi menjawab objektif ini, maklumat daripada pegawai dan kakitangan PKM telah diperoleh menerusi pendekatan kualitatif iaitu perbincangan kumpulan berfokus. Seramai 143 pegawai dan kakitangan PKM telah terlibat dalam kajian ini. Pandangan kakitangan telah diperoleh terhadap beberapa aspek berkaitan PKM iaitu tentang penguatkuasaan PKM, pengurusan dan pentadbiran dokumentasi PKM, prosedur kerja dan dokumen berkaitan pengurusan pelatih, aktiviti dan program yang dilaksanakan, keberkesanan PKM terhadap pelatih, dan modul latihan yang digunakan. Dapatan daripada perbincangan kumpulan berfokus secara keseluruhannya mendapati bahawa PKM adalah satu program yang sangat baik kerana ia memberi peluang kedua terutamanya kepada Pesalah Muda dan Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dipertingkatkan bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Dalam konteks ini, kajian mendapati antara cabaran penting yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan PKM adalah terpaksa berhadapan dengan bebanan kerja yang terlalu tinggi, sumber kewangan yang terhad, dan kurang komitmen daripada pelatih dan keluarga.

Kata Kunci: Perintah Khidmat Masyarakat; keberkesanan; kualitatif; Malaysia; pemulihan

ABSTRACT

The primary objective of this article is to examine the effectiveness of implementing the Community Service Order (CSO) on CSO offenders. To address this objective, information from CSO officers and staff was gathered through a qualitative approach, namely focus group discussions. A total of 143 CSO officers and staff participated in this study. Staff perspectives were obtained on several aspects related to the CSO, including CSO enforcement, documentation management and administration, work procedures and documents related to trainee management, activities and programs conducted, the effectiveness of the CSO on trainees, and the training modules used. Findings from the

focus group discussions generally revealed that the CSO is an excellent program as it provides a second chance, particularly for young and juvenile offenders. However, there is still room for improvement to ensure the program's success and effectiveness. In this context, the study found that one of the major challenges faced by CSO officers and staff is dealing with excessive workloads, limited financial resources, and a lack of commitment from trainees and their families.

Keywords: *Community Service Order; effectiveness; qualitative; Malaysia; rehabilitation*

1.0 PENGENALAN

Salah laku dan jenayah di Malaysia merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh segenap lapisan masyarakat. Bagi mengatasi dan mencari jalan penyelesaian kepada segala permasalahan yang timbul, pelbagai usaha sedang dan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa. Antaranya penggubalan undang-undang dan dasar sedia ada ke arah penambahbaikan sistem perkhidmatan yang bertujuan untuk memastikan pesalah-pesalah ini dapat dipulihkan dan mencegah daripada mengulangi kesalahan jenayah serta menjadi warganegara yang mempunyai jati diri yang unggul (Berita Harian, 10 Ogos, 2024). Salah satu usaha yang telah dilakukan adalah melalui program Perintah Khidmat Masyarakat (PKM).

PKM adalah salah satu bentuk hukuman alternatif kepada pemenjaraan yang diperkenalkan pada 18 Julai 2006. Hukuman ini bertujuan bagi memulih dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah serta mengintegrasikan mereka untuk kembali ke pangkuan masyarakat (Infografik Perintah Khidmat Masyarakat, 2023). Ia juga dapat mengurang dan mengelakkan kesesakan banduan di penjara, menjimatkan kos yang tidak perlu dan dalam masa yang sama berupaya mengembalikan kefungsi pesalah. Tambahan pula hukuman pemenjaraan atau institusi pemulihan yang lain akan menyulitkan pesalah untuk kembali berintegrasi dengan masyarakat kerana mereka perlu berdepan dengan stigma negatif dan penerimaan masyarakat (Tharshini et al., 2018). Oleh yang demikian, PKM adalah merupakan peluang kedua kepada pesalah di mana mereka masih berpeluang untuk meneruskan kehidupan dalam masyarakat, bersama keluarga dan membina kehidupan dengan positif serta mempunyai masa depan yang lebih baik dengan kemahiran dan latihan yang diberikan (Infografik Perintah Khidmat Masyarakat, 2023).

Menurut rekod Bahagian PKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 8,090 pesalah (atau dirujuk sebagai pelatih ketika melaksanakan perintah) telah dijatuhi hukuman PKM daripada tahun 2008 hingga 2021. Walaupun PKM telah berjaya dilaksanakan selama 16 tahun dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan (The Star, 11 August, 2024), namun beberapa isu telah dikenal pasti dan antaranya termasuklah kadang kala aktiviti yang dilakukan tidak memenuhi sepenuhnya tiga elemen utama PKM, kekeliruan atau kurang kefahaman tentang program PKM, ketidaksesuaian program, perancangan pelaksanaan program serta pelaporan dan penilaian yang masih perlu dimantapkan. Oleh yang demikian, objektif utama artikel ini adalah untuk membincangkan tentang kajian PKM dan keberkesanan pelaksanaannya.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Pelaksanaan PKM secara umumnya adalah satu bentuk hukuman yang diperintahkan oleh mahkamah kepada pesalah untuk melakukan kerja komuniti tanpa bayaran, dan sebagai pembayaran balik kepada komuniti kerana mereka telah menimbulkan kekacauan dan masalah. Pelaksanaannya telah bermula seawal kurun ke-19 Masihi. Secara umumnya, PKM di peringkat global telah dilaksanakan di banyak negara. Misalnya, PKM mula diperkenalkan di England dan Wales menerusi peruntukan dalam *Criminal Justice Act 1972* (Parrier & Pink, 1985) di mahkamah majistret serta di New Zealand, Australia dan Spain sekitar tahun 1980-an (Blay, 2008). Beberapa negara luar seperti United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Eropah, Thailand dan negara Afrika seperti Uganda telah melaksanakan PKM dengan jayanya. Walau bagaimanapun, proses pelaksanaan PKM di negara-negara tersebut adalah berbeza-beza mengikut perundangan dan pengurusannya seperti umur pesalah, tempoh masa

pelaksanaan PKM dan juga aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Sebagai contoh, kerajaan New Zealand melancarkan kem latihan ala tentera selama 12 bulan kepada pesalah muda (Sinar Harian, 20 Julai 2024).

Di Malaysia, sejarah pelaksanaan PKM bermula pada 18 Julai 2006, apabila Parlimen meluluskan Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006, Subperenggan 293(1)(e)(i) di mana PKM diperintahkan ke atas Pesalah Muda yang berumur dalam lingkungan 18 sehingga bawah 21 tahun. Pemakluman kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai penguatkuasaan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] pada 1 Februari 2007. Maka, penubuhan Bahagian PKM, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat turut terlaksana. Pada 1 Januari 2008, PKM bagi Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], Subperenggan 293(1)(e)(i)(ii)(iii) secara rasminya telah bermula.

Pada 25 Julai 2016, kerajaan telah membuat pewartaan Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan) 2016 [*Akta 611*], di mana terdapat penambahan dua lagi kategori pesalah iaitu Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak. Pesalah Dewasa merupakan perintah yang dikenakan mengikut peruntukan di bawah seksyen 31, 32 dan 33, Bab 3 Kesalahan Berhubung dengan Kesihatan dan Kebajikan Kanak-Kanak, Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak (10 tahun sehingga bawah 18 tahun) pula di bawah seksyen 91(1) (da) dan 97A. Pada 1 Januari 2017, pelaksanaan PKM di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan) 2016 dikuatkuasakan.

Bagi melancarkan pelaksanaan PKM, Bahagian PKM, JKM telah menyediakan panduan dan modul latihan kepada pegawai dan kakitangan PKM negeri dan daerah. Panduan bagi Pesalah Muda, Peraturan Tetap Operasi dan Arahan Kerja Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda (Pindaan 2018) adalah dirujuk. Bagi Pesalah Dewasa, panduan yang dirujuk adalah Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Dewasa dan bagi Kanak-Kanak, panduan yang dirujuk adalah Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat Kanak-Kanak. Penerangan tentang maklumat terkini mengenai PKM dan data statistik dimuatkan di dalam brosur Infografik PKM (2023).

PKM merupakan hukuman alternatif kepada pemenjaraan. Hukuman ini bertujuan bagi memulihkan dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah serta mengintegrasikan mereka untuk kembali ke pangkuan masyarakat (Infografik Perintah Khidmat Masyarakat, 2023). Elemen yang terkandung dalam PKM merangkumi aspek hukuman, pemulihan dan penginsafan. Aspek hukuman merangkumi 40% daripada jam agregat yang diperintahkan oleh mahkamah bertujuan untuk melucutkan masa lapang pesalah dengan memberi suatu tanggungjawab untuk dilaksanakan. Aspek pemulihan pula merangkumi 30% daripada jam agregat yang diperintahkan oleh mahkamah dengan tujuan untuk merangsang dan memupuk tanggungjawab sosial dan menjadikan aktiviti khidmat masyarakat sebagai pengajaran berfaedah kepada pesalah. Terakhir, aspek penginsafan yang merangkumi 30% dari jam agregat tempoh yang diperintahkan oleh mahkamah diharap dapat membantu pelatih membina sahsiah diri, akhlak dan pekerti mulia, insaf atas kesalahan lalu serta menawarkan faedah nyata kepada masyarakat.

Aktiviti PKM dilaksanakan mengikut elemen-elemen yang ditetapkan. Aktiviti yang dilakukan bagi memenuhi elemen hukuman merangkumi aktiviti pembersihan, pengindahan kawasan, penyenggaraan infrastruktur, penyajian makanan dan aktiviti yang boleh menyumbang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti. Antara program yang dilaksanakan ialah Khidmat Bakti yang dilaksanakan dengan kolaborasi strategik bersama pihak PBT, komuniti dan persatuan penduduk setempat; dan Program Ilmu dan Bakti di mana ianya dengan kolaboratif Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam (JAWI)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang lebih fokus kepada aktiviti pembersihan dan pemuliharaan masjid, surau dan kawasan sekitarnya.

Daripada aspek pemulihan, aktiviti memfokuskan kepada hubungan kekeluargaan, latihan kemahiran dan peningkatan jati diri. Program yang lazim dilaksanakan adalah Perkasa Keluarga dengan kolaborasi bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan menggunakan pakai Edisi Khas Modul Perkasa Keluarga LPPKN; *Skill & Career @ CSO* dengan kolaborasi bersama pusat kemahiran seperti Giat MARA, Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), syarikat latihan persendirian. Selain itu, kolaborasi dengan Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKMN melalui program Kemahiran Insaniah seperti kemahiran komunikasi, pengurusan masa, pengurusan tekanan, pembuatan keputusan dan kemahiran interpersonal. Program PKM Beret turut dilaksanakan dengan kerjasama pasukan atau agensi beruniform seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan

Malaysia (RELA) yang berfokuskan elemen pemulihan melalui aktiviti yang membina semangat juang dan jati diri dalam kalangan pesalah.

Manakala daripada aspek penginsafan pula, aktiviti banyak difokuskan kepada peningkatan jati diri, penginsafan dan kesedaran melalui nilai-nilai kerohanian dan pengembalian kefungsi sosial pelatih sebagai persediaan pengintegrasian semula dalam masyarakat selepas tamat PKM. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah Kem PKM yang berkolaborasi bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan aktiviti yang melibatkan pendekatan kerohanian seperti Kuliah Asas Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Pelbagai aktiviti lain juga turut dilaksanakan mengikut elemen dan ada antaranya memenuhi beberapa elemen serentak. Contohnya, program Ilmu dan Bakti dilaksanakan bagi memenuhi elemen hukuman dan penginsafan (Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM, 2023).

Sekiranya berlaku pelanggaran PKM, bagi Pesalah Muda, mereka akan dirujuk semula ke mahkamah dan diberikan hukuman mengikut peruntukan undang-undang sedia ada atas pertimbangan mahkamah di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] Subperenggan (1)(e)(i)(ii)(iii). Bagi Pesalah Dewasa, di bawah seksyen 31, 32 dan 33 Akta Kanak-kanak 2001, mereka boleh disabitkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000.00 dan bagi Kanak-Kanak, mereka boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5,000.00 seperti yang termaktub di seksyen 97B(5)(a), Akta Kanak-kanak 2001.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian keberkesanan pelaksanaan PKM yang telah dilaksanakan menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Walau bagaimanapun artikel ini hanya menumpukan perbincangan ringkas dengan pegawai dan kakitangan PKM melalui pendekatan kualitatif dalam meneroka keberkesanan pelaksanaan program tersebut. Kaedah kualitatif sesuai digunakan kerana ia membolehkan penerokaan pengalaman responden berkaitan pelaksanaan PKM. Data kualitatif dikumpul semasa perbincangan kumpulan berfokus dan dijalankan melalui temu bual semi berstruktur bersama pegawai dan kakitangan PKM. Menurut Fontana dan Frey (2005) dan Grbich (1999), temu bual semi berstruktur membolehkan penerokaan perspektif responden, membantu responden dalam menjelaskan perkara yang kompleks serta dalam memahami permasalahan kajian. Pada masa yang sama, responden bebas untuk menyatakan pandangan mereka berkenaan isu yang dikemukakan (Hesse-Biber & Leavy, 2006). Semasa perbincangan kumpulan berfokus, responden telah diminta untuk berkongsi pengalaman dan persepsi mereka terhadap pengendalian PKM. Adalah penting bagi kajian ini untuk mendengar dan mendapatkan pandangan peribadi yang lebih menyeluruh tentang pelaksanaan PKM terutama daripada kakitangan yang mengurus dan mengendalikan program ini.

3.2 Protokol Temu Bual

Soalan perbincangan kumpulan berfokus dibangunkan berdasarkan kepada objektif kajian dan sorotan literatur lepas. Fokus utama perbincangan adalah untuk mendapatkan pandangan terhadap perintah khidmat masyarakat terutamanya dari segi keberkesanan pelaksanaan.

3.3 Responden

Seramai 143 pegawai dan kakitangan PKM daripada 7 buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Kedah telah terlibat dalam kajian ini.

3.4 Teknik Analisis Data

Semua data yang dikumpul secara kualitatif semasa perbincangan berfokus ditranskripsikan terlebih dahulu. Setiap item dikodkan menggunakan koding terbuka, sekali gus membenarkan kategori dan tema dibentuk dan muncul tanpa memberi perhatian yang selektif kepada mana-mana poin tertentu yang menarik untuk diteliti (Coffey & Atkinson, 1996). Tatkala koding ini berlaku secara berterusan, kategori tambahan dikenal pasti dan ditambah kepada garis panduan koding menggunakan proses yang sama. Setelah selesai aktiviti koding, tahap analisis seterusnya adalah melakukan perbandingan (persamaan dan perbezaan) antara kategori untuk meneliti perhubungan antara kategori tersebut. Tujuan utama analisis ini adalah untuk mengagih kategori-kategori kepada tema dan sub-subtema dengan menjejaki pola-pola yang konsisten dalam data yang dikaji.

Strategi tambahan juga digunakan dalam analisis dengan melihat kepada metafora dalam respon yang diberi sebagai petunjuk kepada apa yang dimaksudkan oleh responden tentang masalah atau isu berkaitan dengan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat. Selain itu, perkataan atau frasa-frasa yang individu responden gunakan untuk memerihalkan pengalaman mereka juga dicari dan dikelompokkan ekspresi-ekspresi ini ke dalam kategori-kategori.

Apabila kod dan kategori diperolehi daripada teks, pola-pola tersebut kemudiannya dibandingkan dengan keseluruhan transkrip temu bual dari kesemua responden kajian. Ini bermula dengan koding terbuka, kemudiannya dikelompokkan kod-kod ini kepada konsep-konsep atau kategori-kategori dan akhirnya menampilkan tema-tema yang muncul daripada kelompok kod-kod ini. Langkah ini dilakukan untuk mendapatkan konsep-konsep yang saling berkait untuk memastikan analisis tema akhir dapat ditentukan. Tema-tema ini kemudiannya disusun secara hirarki berdasarkan tema-tema besar dan kecil. Perbincangan dan perbahasan antara penyelidik dilakukan secara konsisten bagi menilai dan menyemak hasil tema yang diperolehi daripada perbincangan kumpulan berfokus pegawai dan kakitangan PKM sehingga satu ketetapan tema yang dipersetujui bersama dapat dicapai dan disepakati.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan hasil temu bual semasa perbincangan kumpulan berfokus bersama pegawai dan kakitangan PKM daripada tujuh buah negeri. Tujuan perbincangan kumpulan berfokus adalah bagi mendapatkan pandangan yang lebih mendalam terhadap pelaksanaan PKM serta keberkesanan PKM. Secara keseluruhannya, responden merasakan bahawa PKM adalah satu program yang sangat baik kerana ia memberi peluang kedua terutamanya kepada Pesalah Muda dan Kanak-Kanak. Berikut adalah antara beberapa pandangan responden berkenaan pelaksanaan PKM.

4.1 Pandangan terhadap Penguatkuasaan Perintah Khidmat Masyarakat

Penguatkuasaan PKM dianggap baik pada pandangan responden kerana ia merupakan hukuman alternatif kepada pemenjaraan. Ianya dapat memberi kesedaran awal sebelum mereka melakukan kesalahan yang lebih besar. Namun begitu, pelaksanaannya masih boleh ditambah baik terutamanya dari segi program yang dilaksanakan dan peluasan khidmat masyarakat ke pusat-pusat NGO. Ada responden yang mencadangkan agar penguatkuasaan PKM lebih tegas terutamanya dari segi tindakan kepada pelatih yang melanggar perintah. Ketiadaan ketegasan dalam penguatkuasaan PKM menyebabkan pelatih tidak menghormati penyelia.

4.2 Pandangan terhadap Pengurusan dan Pentadbiran Dokumentasi Perintah Khidmat Masyarakat

Berkenaan dengan pengurusan dan pentadbiran dokumentasi PKM, ia adalah baik sekiranya mengikut operasi standard yang telah ditetapkan. Dokumentasi PKM dianggap memuaskan, lengkap dan memudahkan pengurusan kes. Namun begitu, ada responden yang berpandangan bahawa proses dokumentasi adalah tidak fleksibel dan melibatkan terlalu banyak borang yang perlu diisi kerana

mengikut kategori pelatih (Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak). Responden mencadangkan agar pengurusan dan pentadbiran dokumentasi PKM ditambah baik.

4.3 Pandangan terhadap Prosedur Kerja dan Dokumen Berkaitan Pengurusan Pelatih

Menurut responden, dari segi prosedur kerja dan dokumen berkaitan pengurusan pelatih, terdapat terlalu banyak prosedur yang perlu diikuti dan terlalu banyak borang yang perlu diisi dan proses kerja berlanjutan sehingga habis perintah mahkamah. Dokumen yang terlalu banyak tidak memudahkan pengurusan hukuman.

4.4 Pandangan terhadap Aktiviti dan Program yang Dilaksanakan

Berkenaan dengan aktiviti dan program yang dilaksanakan, ada responden yang merasakan sesetengah aktiviti adalah tidak sesuai untuk pelatih dan terlalu mudah seperti pembersihan pejabat, keceriaan landskap dan penyelenggaraan kawasan sahaja. Aktiviti berkaitan *softskill* dan *hardskill* adalah terlalu kurang yang mana kemahiran ini boleh dikembangkan apabila pelatih tamat menjalani PKM. Ada juga responden yang mencadangkan agar diperbanyakkan program berbentuk kerohanian, kesedaran sivik dan jati diri pelatih. Selain itu, ada juga dicadangkan untuk diperbanyakkan aktiviti yang boleh melibatkan ibubapa dan masyarakat. Penglibatan pelbagai agensi juga perlu ditingkatkan.

4.5 Pandangan terhadap Keberkesanan Perintah Khidmat Masyarakat terhadap Pelatih

Jawapan yang diterima adalah berbeza-beza apabila responden ditanya tentang keberkesanan PKM terhadap pelatih. Ada responden yang berpendapat bahawa keberkesanan PKM terhadap pelatih bergantung kepada jenis kes. Bagi kes yang ringan seperti merempit, keberkesanan PKM dapat dilihat. Namun, bagi pelatih yang terlibat dengan kes berat seperti dadah, PKM mungkin tidak memberi kesan kerana pelatih mempunyai peluang untuk mengambil dadah di luar waktu PKM. Sesetengah responden merasakan bahawa keberkesanan PKM adalah bergantung kepada diri pelatih itu sendiri, sama ada mahu berubah atau tidak.

4.6 Pandangan terhadap Modul Latihan

Walaupun responden menganggap modul latihan sedia ada adalah baik, namun mereka mahukan modul latihan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan mempelbagaikan lagi aktiviti, lebih komprehensif, teratur dan mudah difahami.

4.7 Cabaran, Kekangan dan Halangan yang Dihadapi

Responden turut diminta untuk berkongsi cabaran, kekangan dan halangan semasa melaksanakan PKM ketika perbincangan kumpulan berfokus dijalankan. Berikut adalah antara beberapa cabaran, kekangan dan halangan utama yang dikongsikan oleh responden.

4.7.1 Bebanan Kerja yang Tinggi

Bebanan kerja yang terlalu banyak akibat kekurangan pegawai dan kakitangan menyebabkan sukar untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap PKM. Penyelaras dan penyelia lapangan sering dibebani dengan pelbagai kerja yang perlu dilakukan dalam waktu yang sama dan ini menyebabkan tidak dapat fokus kepada tugas hakiki. Ketua Jabatan perlu melihat Unit PKM sebagai satu unit yang

penting kerana melibatkan prosedur hukuman dan perintah mahkamah. Pegawai PKM perlu diberi tugas tambahan yang minima agar fokus terhadap PKM dapat dilakukan.

4.7.2 Sumber Kewangan yang Terhad

Kekurangan peruntukan kewangan telah menyukarkan pelaksanaan aktiviti PKM, dan pembelian peralatan untuk menggantikan yang telah rosak. Kekangan kewangan telah menghadkan jumlah aktiviti yang boleh dilaksanakan. Sesetengah penyelia lapangan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menanggung makan dan minum pelatih serta pembelian peralatan seperti penyapu, sabun dan alatan bertukang.

4.7.3 Kurang Komitmen dari Pelatih dan Keluarga

Menurut responden, komitmen yang diberikan oleh pelatih kadang kala kurang memuaskan. Ini termasuklah mendapatkan kerjasama daripada ibu bapa atau penjaga. Kedatangan pelatih untuk menjalani khidmat masyarakat yang tidak konsisten menyebabkan penyelaras dan penyelia sukar untuk merancang dan menjalankan sebarang program luar dengan institusi. Pelatih kerap menggunakan alasan bekerja untuk tidak hadir ke aktiviti yang telah dirancang. Terdapat juga pelatih yang pasif dan memerlukan arahan dari semasa ke semasa untuk menjalankan aktiviti. Pegawai PKM pula tidak boleh mengambil sebarang tindakan terhadap pelatih yang tidak menghadiri program PKM kerana tidak diberi kuasa seperti pegawai beruniform untuk pelatih lebih akur dan hukuman PKM tidak dipandang ringan. Oleh yang demikian, pelatih tidak takut dengan amaran atau hukuman yang dikenakan sekiranya melanggar perintah atau arahan. Ada juga pelatih yang tidak mendapat sokongan ibu bapa untuk menghadiri program PKM terutamanya bagi mereka yang digantung lesen.

Secara ringkasnya, hasil perbincangan kumpulan berfokus menunjukkan bahawa PKM adalah satu program yang sangat baik kerana ia memberi peluang kedua terutamanya kepada Pesalah Muda dan Kanak-Kanak. Namun, pegawai dan kakitangan PKM terpaksa berhadapan dengan bebanan kerja yang terlalu tinggi, sumber kewangan yang terhad, dan kurang komitmen daripada pelatih dan keluarga.

5.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan PKM di Malaysia semakin signifikan dan kritikal dalam menggalakkan peranan dan penglibatan komuniti setempat untuk membantu memulih, mencegah dan mengintegrasikan para pesalah PKM ke dalam masyarakat. Program ini tidak hanya dapat mengurangkan pelbagai kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan tetapi secara tidak langsung boleh menggalakkan pengupayaan masyarakat untuk berganding bahu dengan pihak berkuasa dalam memastikan objektif PKM dapat dicapai sepenuhnya. Sehubungan dengan ini, penambahbaikan dan pemerkasaan program PKM adalah wajar dilakukan dari semasa ke semasa mengambil kira ianya merupakan satu program yang sangat baik dan didapati berkesan berdasarkan kepada dapatan kajian ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan geran yang dibiayai oleh Institut Sosial Malaysia.

RUJUKAN

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat JKM. (2023). *Infografik Perintah Khidmat Masyarakat*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- Berita Harian (10 Ogos 2024). *Pesalah buang sampah perlu dihukum khidmat masyarakat termasuk sapu jalan*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1282941/pesalah-buang-sampah-perlu-dihukum-khidmat-masyarakat-termasuk-sapu>
- Blay, E. (2008). Work for the benefit of the community as a criminal sanction in Spain. *Journal of Community and Criminal Justice*, 155(3), 245-258.
- Coffey, A., & Atkinson, P. (1996). *Making sense of qualitative data: Complementary research strategies*. Sage Publications.
- Fontana, A., & Frey, J.H. (2011). The interview: From neutral stance to political involvement. In N.K. Denzin & Y.S. Lincoln (Eds.), *The Sage handbook of qualitative research* (4th ed., pp. 695 – 728). Sage Publication.
- Grbich, C. (1999). *Qualitative research in health: An introduction*. Sage Publication.
- Hesse-Biber, S.N., & Leavy, P. (2006). *The practice of qualitative research*. Sage Publication.
- Perrier, D. C., & Pink, F. S. (1985). Community service: All things to all people. *Federation Probation*, 49, 32-38.
- Sinar Harian (20 Julai 2024). *New Zealand lancar kem latihan ala tentera pesalah muda*. <https://www.sinarharian.com.my/article/676117/global/new-zealand-lancar-kem-latihan-ala-tentera-pesalah-muda>
- Tharshini, S., & Fauziah Ibrahim. (2018). Faktor-faktor pelindung yang menyumbang ke arah pengintegrasian semula banduan yang berjaya: Satu kajian ulasan sistematik. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 12(1), 54-63.
- The Star (11 August 2024). *JKM: Community service programme showing promising results*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/11/jkm-community-service-programme-showing-promising-results>